



کمنتريين حال احوال دالم نكري

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN LANGKAH-LANGKAH PENGAWALAN YANG  
DIPERKETATKAN SEMULA DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**BAGI**

**PERKHIDMATAN PENYAJIAN MAKANAN DI PREMIS-PREMIS MAKANAN**

**BERMULA HARI SABTU, 07 OGOS 2021**

Bermula **hari Sabtu, 27 Zulhijjah 1442 bersamaan 07 Ogos 2021**, pengusaha premis-premis makanan termasuk restoran, kedai makan, kedai minum, kafe, *food court*, gerai makan dan seumpamanya serta para pengunjungnya adalah dikehendaki untuk mematuhi syarat-syarat berikut:-

**BAGI PENGUSAHA PREMIS MAKANAN:**

1. Pengurus premis makanan dikehendaki untuk menyediakan kod QR Bruhealth yang khusus bagi premis mereka dan seterusnya mencetak kod QR tersebut dalam jumlah yang mencukupi dan dilekatkan di beberapa kawasan yang sesuai seperti kawasan pintu masuk premis untuk diimbis oleh pelanggan sebelum masuk dan sejurus sebelum meninggalkan premis. Bagi memudahkan pengunjung-pengunjung yang tidak mempunyai kemudahan untuk mengimbis kod QR, pengurus premis boleh menyediakan buku daftar bagi mencatat butiran peribadi pengunjung.
2. Premis makanan adalah tidak dibenarkan untuk menyajikan makanan secara *dine-in* di premis-premis dan hanya dibenarkan menyediakan makanan untuk dibawa pulang (*takeaway*) dan *delivery* sahaja.
3. Pemeriksaan suhu badan hendaklah dilakukan sebelum memasuki premis makanan.



## کمنتريين حال احوال دالم نكري

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

4. Premis makanan hendaklah menyediakan pelan tindakan bagi memastikan pelaksanaan penjarakan fizikal yang mana di antaranya adalah seperti berikut:-
  - i. Tidak membenarkan pengunjung yang tidak menggunakan sungkup muka untuk memasuki premis makanan.
  - ii. Menghadkan kemasukan para pengunjung ke dalam premis makanan dalam satu-satu masa.
  - iii. Menyediakan kemudahan *delivery* dan *pick-up*.
5. Pekerja-pekerja premis makanan yang mengendalikan dan menyediakan makanan adalah dikehendaki untuk sentiasa memakai penutup muka yang bersesuaian dengan tugas pengendali makanan.
6. Pekerja premis makanan yang tidak sihat atau mempunyai kod warna aplikasi Bruhealth selain kod warna hijau atau kuning adalah tidak dibenarkan untuk hadir bekerja.
7. Mana-mana pengusaha-pengusaha premis makanan yang didapati tidak mematuhi syarat-syarat yang disebutkan tadi, boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204.
8. Pengusaha-pengusaha premis makanan adalah dipohonkan untuk memberikan kerjasama untuk mematuhi arahan-arahan yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan dari semasa ke semasa.

### **BAGI PENGUNJUNG PREMIS MAKANAN:**

1. Para pengunjung hendaklah mengimbas kod QR di premis. Para pengunjung yang tidak mempunyai kemudahan untuk mengimbas kod QR bolehlah mengisikan butiran peribadi ke dalam buku daftar yang disediakan oleh premis makanan.



## کمنتريين حال احوال دالم نكري

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

2. Orang ramai adalah dikehendaki untuk menggunakan sungkup muka pada setiap masa apabila berada di tempat awam.
3. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengamalkan kebersihan diri pada setiap masa seperti kerap mencuci tangan atau menggunakan *hand sanitizer*.
4. Orang ramai yang mempunyai tanda-tanda jangkitan adalah dinasihatkan untuk tidak mengunjungi premis makanan sehingga telah sembuh.

**Disediakan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**

**Negara Brunei Darussalam**

07 Muharram 1443 / 16 Ogos 2021